

MESYUARAT JAWATANKUASA FATWA NEGERI MELAKA BIL.2/2022

TG. BIDARA, 27 Jun – Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Melaka Bil.2/2022 yang telah dipengerusikan oleh Sahibus Samahah Mufti Kerajaan Negeri Melaka, Datuk Wira Hj Abdul Halim bin Tawil, telah berlangsung di Dewan Hamal Kompleks Falak Al-Khawarizmi, Tanjung Bidara, Melaka hari ini. Mesyuarat tersebut diadakan bagi membincangkan berkenaan isu-isu keagamaan semasa di Negeri Melaka.

Turut hadir dalam mesyuarat berkenaan adalah Prof.Madya Dato' Dr. Mohd Izhar Ariff Mohd Kashim bagi membentangkan Taklimat Khas berkaitan Penentuan Hukum Plasma Darah Dalam Makanan Menurut Perspektif Islam kepada Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Melaka.